

KE MANA KITA HENDAK DIBAWA...?

MELAYU BERPECAH BELAH, MELAYU SENDIRI MEMECAHBELAHKAN

Tidaklah ada nasib yang lebih buruk bagi bangsa Melayu, daripada keadaannya yang ada pada hari ini negerinya menjadi rebutan bangsa asing. Bangsa Melayu sendiri sedang berpecahbelah, dipecahbelahkan oleh perbuatan orang Melayu sendiri. Dakwa yang hak Tanah Melayu hak Melayu itu, hendak dilenyapkan oleh bangsa-bangsa asing dan setengah-setengah orang Melayu yang mencuba hendak menafikan hak bangsanya sendiri.

(Oleh Abham)

Sama ada dengan kesedaran yang besar atas kebenaran sesuatu itu atau tidak. Sama ada sebenarnya mereka faham maslahat-maslahat siasah atau tidak dan sama ada percampuran mereka di dalam medan siasah itu kerana betul-betul hendak berjuang di dalam siasah atau kerana semata-mata menjadi Pak Turut atau kerana ada sesuatu maslahatnya yang lain. Terpulanglah kepada mereka itu sendiri akan tetapi bagaimana pun, sudah ada di antara orang Melayu yang mengemukakan diri mereka sebagai ahli siasah dan mengambil bahagian di dalam hal ehwal siasah dengan mencampurkan diri dengan badan-badan siasah di dalam negeri, hatta jikalau boleh seberapa banyak badan siasah yang ada hendak dicampurnya telah mendakwakan bahawa orang-orang Melayu tidak boleh merdeka dan tidak boleh mencapaikan kemerdekaan bangsa dan tanah airnya dengan perjuangan pertubuhan kebangsaannya sendiri atau pendeknya dengan kudrat orang-orang Melayu sendiri.

Bagi menguatkan dakwa mereka yang demikian, dengan tidak membakarkan sesuatu kebenaran yang lain, mereka telah mengatakan juga bahawa kemerdekaan Malaya ini tidak akan diberi kepada sesuatu kaum yakni kaum Melayu sahaja. Dengan sebab itu mereka terburu-buru memasuki pertubuhan siasah daripada segala bangsa dan mengaku mereka berbuat demikian kerana hendak menolong bangsa

Melayu, sambil berusaha dan mencuba hendak menyekat pergerakan orang-orang Melayu sendiri dan hendak meruntuhkan pertubuhan kebangsaan Melayu- pertubuhan kebangsaan mereka sendiri orang-orang Melayu yang kuat semangat kebangsaan Melayunya dan yakin di atas kebolehan bangsanya. Sebagaimana juga yakin mereka ke atas kekuatan pertubuhan kebangsaannya yang berdiri di atas hak dan kebenaran serta berjuang atas dasar keadilan dan tuntutan yang hak dan halal adalah tetap berdiri di sisi bangsanya dan di atas keyakinan kebolehan bangsanya atas yang hak dan kebenaran.

Dengan yang demikian telah menjadi di dalam golongan bangsa Melayu dan di dalam masa kecemasan bangsanya ini berpuak-puak dan berpihak-pihak. Yang satu berdiri di atas dasar kebangsaannya yang semula jadi dan yang lagi satu di atas kebangsaan yang tiada berasal tetapi dicuba hendak menimpanya. Sementara itu ada pula, yang lainnya mengasingkan diri dengan pertubuhannya sendiri dengan tiada mempunyai pemimpinan yang berpendirian tetap.

Semuanya hal ini adalah perkara-perkara yang sedang berlaku di dalam golongan bangsa Melayu dan dipandang oleh bangsa asing yang menumpang di Tanah Melayu ini. Dengan suka cita, bukan kerana menyaksikan keadaan bangsa Melayu yang berpecah belah itu sebagai perbuatan yang bodoh sahaja, akan tetapi mereka bersuka cita, dengan lebihnya kerana keadaan di antara orang-orang Melayu itu adalah memberi peluang kepada mereka merebut apa yang mereka berhajat dan ingin dan yang selama

ini mereka tiada termimpikan akan memperolehinya.

Perbuatan pihak Melayu yang mendakwakan bahawa orang-orang Melayu dengan sendirinya tiada boleh mencapai kemerdekaan dan lebih-lebih lagi kemerdekaan itu tiada akan diberi kepada suatu kaum yang tertentu sebagaimana yang ada didakwakan itu adalah menguatkan kehendak-kehendak mereka, bangsa asing itu dan membawa mereka tiada malu segan dan tergamam daripada bercakap keras dan berterus terang atas apa juga yang hendak dicakapkan terhadap kehendak-kehendaka mereka di Tanah Melayu ini. Sebentar itu tanda-tanda setengah-setengah kehendak mereka itu mendapat layanan daripada pihak yang menaungi Tanah Melayu ini memang ternampak.

Inikah yang digemari oleh penyokong-penyokong pertubuhan siasah yang tiada berbangsa atau tiada berkebangsaan itu dan kepada sifat-sifat bangsa asing yang demikian inikah yang mereka yakin akan mendapat pertolongan yang mereka bersandar kepadanya dan kerjasama mereka yang tulus ikhlas? Sesungguhnya tiada ada seperkara yang lebih pelik daripada ini yang dilakukan oleh setengah orang-orang Melayu.

Bangsa Melayu telah pernah berkerajaan sendiri dan mempunyai sebuah kerajaan empayar Melayu yang besar. Orang-orang Melayu telah dapat menghapuskan "Malayan Union" dan mendirikan Persekutuan Tanah Melayu. Yang demikian ialah menunjukkan orang-orang Melayu memang berasal dari bangsa pemerintah dan mempunyai kedaulatan dan tanah airnya sendiri dan begitu juga tenaga yang menghapuskan "Malayan Union" itu ialah tenaga orang-orang Melayu iaitu menunjukkan orang-orang Melayu sudahpun menunjukkan tenaga dan kebolehannya serta kejayaannya di dalam perjuangan siasah tanah airnya dengan tidak bergantung kepada tenaga bangsa asing atau sesiapa jua pun.

Mengapakah segala hakikat kebenaran dan kejadian-kejadian ini dicuba hendak diketepikan? Mengapa hak bangsa Melayu yang sebenar-benar itu hendak dinafikan dan mengapa segala kebolehan dan contoh-contoh kejayaan bangsa Melayu di dalam perjuangannya yang bersendirii itu hendak dipadamkan?

Ingatlah tenaga bangsa Melayu yang telah dapat menghapuskan "Malayan Union" dan mendirikan Persekutuan Tanah Melayu

itu, tenaga itulah juga yang akan dapat mencapai dan

menubuhkan kerajaan "Malaya Merdeka."

Di sinilah kebimbangan dan kecemburuan bangsa asing itu telah kuat dan itulah sebabnya mereka terlalu suka cita menyaksikan bangsa Melayu berpecah belah dan mencuba hendak menarik bangsa Melayu ke sebelah mereka itu yang sekarang hendak dibeli dengan wang ringgit.

Bangsa Melayu sedarlah musuh Melayu sedang mengambil peluang dan masa hadapan bagi bangsa Melayu adalah masa yang bererti mati dan lenyap bangsa Melayu di tanah air sendiri hanya sanya inilah masanya bagi orang-orang Melayu menentukan hidup atau matinya kelak. Tiada ada siapa yang akan menyelamatkan bangsa Melayu melainkan bangsa Melayu sendiri. Keselamatan jiwa dan tanah air Melayu itu ialah terletak di tangan bangsa Melayu sendiri dan bukanlah di tangan atau tenaga sesiapa yang lain.

Seperkara yang sayugia diingat. Di dalam masa orang-orang Melayu berjuang menghapuskan "Malayan Union" itu keadaan orang-orang Melayu belum cukup bersatu, begitu pun perjuangan itu telah mencapai kejayaan yang tiada dapat dinafikan. Alangkah lebih besar dan lebih cergas bahkan lebih jayanya perjuangan bangsa Melayu jika semua bangsa Melayu bersatu? Dengan bersatunya semua bangsa Melayu itulah akan dapat dicapati cita-cita bangsa Melayu iaitu sebuah kerajaan "Malaya Merdeka" itu.

Keadaan yang berlaku dan gerak geri serta perbuatan-perbuatan bangsa asing di dalam negeri kita ini patutlah menjadi pelajaran yang menyedarkan bangsa kita, terutama yang telah mengelilngkan kebolehan bangsanya sendiri dan menafikan hak kebenaran Melayu yang sebenar itu. Janganlah terpedaya dan mencuba hendak memperdayakan bangsa sendiri. Tuhan menyertai pihak yang benar. Tanah Melayu hak Melayu ialah suatu kebenaran yang tiada dapat dinafikan. Sesiapa juga yang mencuba hendak menafikan kebenaran ini nyatalah mereka itu musuh Melayu dan dimurkai oleh Tuhan. Ingatlah Tuhan tidak mengubah nasib sesuatu kaum itu melainkan kaum itu sendiri mengubahnya.